

MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)

PENYATA-PENYATA KEWANGAN DAN LAPORAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

No. Pendaftaran: PPM-002-16-09071963

MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)

**PENYATA-PENYATA KEWANGAN DAN LAPORAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Maklumat Korporat	1
Laporan Berkanun Majlis	2
Laporan Juruaudit Bebas	3 - 6
Penyata Kedudukan Kewangan	7
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	8 - 9
Penyata Aliran Tunai	10 - 11
Nota-nota Kepada Penyata Kewangan	12 - 19

No. Pendaftaran: PPM-002-16-09071963

MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA

(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)

MAKLUMAT KORPORAT

Penaung	Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim
Pengerusi	Y.B. Loke Siew Fook
Timbalan Pengerusi	Y.B. Datuk Haji Hasbi Bin Habibollah
Setiusaha Agung	Puan Vanitha Mohan
Bendahari Kehormat	Muhammad Fateh Teh bin Abdullah
Pejabat Berdaftar	Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia Galeria PjH, Aras 3, Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya
Juruaudit	Kalis & Co (No AF: 002163) Akauntan Bertauliah D4-3-9, Solaris Dutamas, No 1 Jalan Dutamas 1, 50480 Kuala Lumpur
Senarai Bank	CIMB Bank Berhad Affin Bank Berhad AmBank Bank Berhad

MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)

LAPORAN BERKANUN

Pada pendapat kami, penyata-penyata kewangan dan nota-nota kepada penyata-penyata kewangan di muka surat 7 hingga 19 telah disediakan dengan wajarnya supaya memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan urusan Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia pada 31 Disember 2025 dan hasil kendalian serta aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut menurut piawaian-piawaian perakaunan diluluskan yang berkaitan.

Bagi pihak ahli jawatankuasa Majlis,


Muhammad Fateh Teh Bin Abdullah
Bendahari Kehormat


Puan Vanitha Mohan
Setiausaha Agung


Kuala Lumpur
Tarikh **12 JUN 2026**

AKUAN BERKANUN

Saya, Muhammad Fateh Teh Bin Abdullah, Bendahari Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia yang bertanggungjawab ke atas rekod-rekod perakaunan dan pengurusan Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia dengan tulus ikhlas mengakui bahawa penyata-penyata kewangan dan nota-nota kepada penyata-penyata kewangan di muka surat 7 hingga 19 adalah betul dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa perkara ini adalah benar dan menurut syarat-syarat yang dikehendaki oleh Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diikrarkan oleh)
penama di atas)
di dalam Kuala Lumpur)
pada

12 JUN 2026


Muhammad Fateh Teh Bin Abdullah

Dihadapan saya :

Pesuruhjaya Sumpah



2

11-1-2, GROUND FLOOR, MENARA 1 DUTAMAS
JALAN DUTAMAS, NO. 1, JALAN DUTAMAS
50100 KUALA LUMPUR

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI
MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
(No. Pendaftaran: PPM-002-16-09071963)
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**

Laporan Audit Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia ("Majlis") yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2025, dan penyata pendapatan dan perbelanjaan dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan di muka surat 7 hingga 19.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2025 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut mengikut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia dan keperluan Akta Pertubuhan, 1966 di Malaysia.

Asas Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diuraikan dengan lebih lanjut dalam bahagian Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan dalam laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika lain

Kami adalah bebas daripada Majlis selaras dengan Undang-Undang Kecil (*berkenaan Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan*) oleh Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Akauntan Antarabangsa untuk Akauntan *Kod Etika Antarabangsa untuk Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa)* ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Tanggungjawab Ahli Jawatankuasa Pengurusan terhadap Penyata Kewangan

Ahli Jawatankuasa (AJK) Majlis adalah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia dan keperluan Akta Pertubuhan, 1966 di Malaysia. AJK juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan oleh AJK sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI
MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
(No. Pendaftaran: PPM-002-16-09071963)
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**

**Tanggungjawab Ahli Jawatankuasa Pengurusan terhadap Penyata Kewangan
(Sambungan)**

Dalam menyediakan penyata kewangan Majlis, AJK bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika AJK berhasrat untuk membubarkan Majlis atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, mereka boleh dengan munasabah dijangkakan akan mempengaruhi Keputusan ekonomi para pengguna yang diambil berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Kami juga:

- Mengetahui dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Majlis, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk menyediakan asas bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau isu mengatasi kawalan dalaman.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI
MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
(No. Pendaftaran: PPM-002-16-09071963)
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan (Sambungan)

- Mendapatkan pemahaman tentang kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh AJK.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh AJK, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian material wujud yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan Majlis untuk meneruskan perniagaan yang sedang berjalan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Majlis atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Majlis untuk berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Majlis, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili urus niaga asas dan peristiwa dengan cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan AJK mengenai, antara lain, skop audit yang dirancang dan masa audit dan penemuan penting, termasuk apa-apa kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit kami.

Laporan mengenai Keperluan Perundangan dan Badan Pengawasan Lain

Selaras dengan keperluan Akta Pertubuhan, 1966 di Malaysia, Kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Majlis telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI
MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
(No. Pendaftaran: PPM-002-16-09071963)
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**

Lain-lain Perkara

Penyata kewangan Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia bagi tahun berakhir 31 December 2024 telah diaudit oleh juruaudit lain yang telah memberikan pendapat tidak diubah suai ke atas penyata kewangan tersebut pada 25 April 2025.

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli Majlis, sebagai sebuah badan, menurut Akta Pertubuhan, 1966 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana- mana pihak lain bagi kandungan laporan ini.

KALIS & CO
No AF: 002163
Akauntan Bertauliah

Kaliswaran Sivaraman Sinniah
No: 03025/11/2027 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur
12 JUN 2026

MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2025

	Nota	2025 RM	2024 RM
ASET			
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	4	<u>4,500.20</u>	<u>1,226.95</u>
ASET SEMASA			
Lain-lain penghutang dan deposit	5	4,850.00	-
Simpanan tetap	6	834,199.31	812,951.79
Faedah simpanan tetap akan diterima	9	7,106.75	7,900.38
Tunai di tangan dan di bank	7	<u>8,804,709.75</u>	<u>4,832,483.35</u>
		<u>9,650,865.81</u>	<u>5,653,335.52</u>
JUMLAH ASET		<u><u>9,655,366.01</u></u>	<u><u>5,654,562.47</u></u>
RIZAB DAN LIABILITI			
RIZAB DAN LIABILITI			
Rizab terkumpul		5,589,003.62	5,220,592.39
Lebihan pendapatan dari perbelanjaan		<u>3,995,779.19</u>	<u>368,411.23</u>
		<u><u>9,584,782.81</u></u>	<u><u>5,589,003.62</u></u>
LIABILITI SEMASA			
Lain-lain pemiutang dan bayaran terakru	8	<u>70,583.20</u>	<u>65,558.85</u>
		<u>70,583.20</u>	<u>65,558.85</u>
JUMLAH LIABILITI		<u><u>70,583.20</u></u>	<u><u>65,558.85</u></u>
JUMLAH RIZAB DAN LIABILITI		<u><u>9,655,366.01</u></u>	<u><u>5,654,562.47</u></u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	Nota	2025 RM	2024 RM
PENDAPATAN			
Faedah daripada akaun semasa		48,949.72	40,722.90
Faedah simpanan tetap	9	20,453.89	20,358.09
Peruntukan daripada kerajaan		4,700,000.00	1,052,971.69
		<u>4,769,403.61</u>	<u>1,114,052.68</u>
TOLAK: PERBELANJAAN			
Alat tulis dan percetakan		3,200.00	521.00
Bantuan khas aidilfitri		1,500.00	1,000.00
Bantuan khas kewangan		-	4,000.00
Caj kurier		463.60	50.00
Caj perkhidmatan bank		148.70	58.50
Caj SST		7,964.09	-
EIS – majikan		182.30	148.80
Elaun sara diri		-	3,600.00
Gaji dan upah		97,192.91	63,600.00
Program Kempen Keselamatan Jalan Raya		130,405.49	525,699.20
KWSP – majikan		12,334.00	9,828.00
Lain – lain		-	2,777.09
Laman web dan langganan webserver		10,600.00	-
Pemberian helmet sempena Kempen Keselamatan Jalan Raya		249,516.00	-
Penalti		90.00	-
Pengangkutan		-	3,877.80
Peralatan pejabat		1,808.97	2,094.90
Perbelanjaan makan dan minum		1,956.90	119.00
Perbelanjaan mesyuarat			
- 2024		32,173.20	-
- 2025		86,443.58	-
Perbelanjaan Hari Memperingati Mangsa Kemalangan		-	10,671.00
Perbelanjaan pemasaran		34,500.00	-
Perbelanjaan uniform pekerja		2,760.00	-
Baki h/b		<u>673,239.74</u>	<u>628,045.29</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	Nota	2025 RM	2024 RM
TOLAK: PERBELANJAAN			
Baki b/b		673,239.74	628,045.29
Peruntukan MKJR negeri			
- tahun semasa		130,000.00	100,000.00
- pembalikan peruntukan		(60,028.25)	-
Perubatan		-	3,000.00
Susutnilai		1,724.75	2,240.89
Sumbangan program World Remembrance Day		5,300.00	-
SOCISO – majikan		1,675.85	1,302.00
Telefon dan pos		20.00	2,420.00
Tuntutan kerja lebih masa		1,439.08	388.25
Tuntutan perjalanan		2,593.25	2,652.82
Tuntutan elaun		8,600.00	192.20
Yuran audit		4,000.00	3,000.00
Yuran perakaunan		5,060.00	2,400.00
		<u>773,624.42</u>	<u>745,641.45</u>
LEBIHAN PENDAPATAN DARI PERBELANJAAN		<u>3,995,779.19</u>	<u>368,411.23</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	Nota	2025 RM	2024 RM
Baki wang tunai di bank 1 Januari		4,832,483.35	4,279,357.58
Simpanan tetap 1 Januari		812,951.79	792,558.67
		<u>5,645,435.14</u>	<u>5,071,916.25</u>
CAMPUR: PENERIMAAN TAHUN SEMASA			
Faedah daripada akaun semasa		48,949.72	40,722.90
Faedah simpanan tetap	9	21,247.52	20,393.12
Peruntukan daripada kerajaan		4,700,000.00	1,052,971.69
		<u>4,770,197.24</u>	<u>1,114,087.71</u>
TOLAK: PEMBAYARAN TAHUN SEMASA			
Alat tulis dan percetakan		3,200.00	521.00
Bantuan khas aidilfitri		1,500.00	1,000.00
Bantuan khas kewangan		-	4,000.00
Caj kurier		463.60	50.00
Caj perkhidmatan bank		148.70	58.50
Caj SST		7,964.09	-
EIS – majikan		167.30	148.80
Elaun sara diri		-	3,600.00
Gaji dan upah		96,282.31	63,600.00
Program kempen keselamatan jalan raya		88,405.49	317,667.52
KWSP – majikan		11,707.00	9,828.00
Lain – lain		-	2,941.39
Laman web dan langganan webserver		10,050.00	-
Pembelian aset tetap		4,998.00	635.64
Pemberian helmet sempena Kempen Keselamatan Jalan Raya		249,516.00	-
Penalti		90.00	-
Pengangkutan		-	3,877.80
Peralatan pejabat		1,808.97	2,094.90
Perbelanjaan makan dan minum		1,956.90	119.00
Perbelanjaan mesyuarat		118,616.78	-
Perbelanjaan Hari Memperingati Mangsa Kemalangan		-	10,671.00
Perbelanjaan pemasaran		22,000.00	-
Perbelanjaan uniform pekerja		2,760.00	-
Baki h/b		<u>621,635.14</u>	<u>420,813.55</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	Nota	2025 RM	2024 RM
TOLAK: PEMBAYARAN TAHUN SEMASA			
Baki b/b		621,635.14	420,813.55
Peruntukan MKJR negeri		130,000.00	100,000.00
Perubatan		-	3,000.00
Sumbangan program World Remembrance Day		5,300.00	-
SOCISO – majikan		1,675.85	1,302.00
Telefon dan pos		20.00	2,420.00
Tuntutan kerja lebih masa		1,439.08	388.25
Tuntutan perjalanan		2,593.25	2,652.82
Tuntutan elaun		8,600.00	192.20
Yuran audit		3,000.00	5,400.00
Yuran perakaunan		2,460.00	4,400.00
		<u>776,723.32</u>	<u>540,568.82</u>
		<u>9,638,909.06</u>	<u>5,645,435.14</u>
TERDIRI DARIPADA:			
Simpanan tetap 31 Disember		834,199.31	812,951.79
Wang tunai di tangan dan di bank pada 31 Disember		<u>8,804,709.75</u>	<u>4,832,483.35</u>
		<u>9,638,909.06</u>	<u>5,645,435.14</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA

(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

1 MAKLUMAT AM

Matlamat utama Majlis adalah merangsang dan menggalakkan kesedaran keselamatan jalan raya di kalangan pengguna jalan raya di seluruh Malaysia bagi tujuan untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Alamat berdaftar Majlis ialah seperti yang tertera di muka surat 1 (maklumat korporat).

Penyata kewangan Majlis dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM') yang merupakan matawang fungsi Majlis.

2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

2.1 ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Majlis telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia ("MPERS") dan mematuhi keperluan Akta Pertubuhan, 1966 di Malaysia. Penyata kewangan telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah.

2.2 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN DAN SUSUTNILAI

Kos sesuatu item harta tanah, loji, dan peralatan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat kebarangkalian membawa manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan item tersebut kepada Akaun Majlis dan kos item tersebut boleh diukur. Selepas pengiktirafan sebagai aset, item harta tanah, loji, dan peralatan diukur pada kos ditolak sebarang susut nilai terkumpul dan sebarang kerugian penurunan nilai terkumpul.

Susut nilai disediakan menggunakan kaedah garis lurus bagi menghapuskan jumlah boleh susut nilai aset berikut mengikut jangka hayat kegunaannya yang dianggarkan, seperti berikut:

Kelengkapan pejabat	20%
Komputer	33.33%

Susut nilai sesuatu aset bermula apabila aset tersebut sedia untuk digunakan mengikut tujuannya.

Jika terdapat petunjuk perubahan ketara dalam faktor yang mempengaruhi nilai sisa, jangka hayat kegunaan atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu, nilai sisa, kaedah susut nilai, dan hayat gunaan aset yang boleh disusut nilai akan dikaji semula dan diselaraskan secara prospektif.

Jumlah bawaan item harta tanah, loji, dan peralatan dinyahiktiraf apabila dilupuskan atau apabila tiada lagi manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada penggunaannya atau pelupusannya. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan item harta tanah, loji, dan peralatan, yang ditentukan sebagai perbezaan antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan jumlah bawaan item tersebut, diiktiraf dalam untung atau rugi. Hasil jualan mahupun keuntungan daripada pelupusan tidak dikelaskan sebagai hasil.

2.3 ASET KEWANGAN

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan kontrak bagi instrumen tersebut.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan diukur pada harga transaksi, termasuk kos transaksi bagi aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, melainkan pengaturan tersebut pada hakikatnya merupakan suatu transaksi pembiayaan kepada pihak yang terlibat dalam pengaturan tersebut.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori berikut: aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, aset kewangan yang merupakan instrumen hutang yang diukur pada kos terlunas, dan aset kewangan yang merupakan instrumen ekuiti yang diukur pada kos ditolak rosot nilai.

i) Aset Kewangan Yang Diukur Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi

Aset kewangan dikelaskan sebagai diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi apabila aset kewangan tersebut berada dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika aset kewangan tersebut didagangkan secara awam, atau nilai saksamanya boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang berlebihan.

Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi.

Sekiranya ukuran yang boleh dipercayai bagi nilai saksama tidak lagi tersedia untuk instrumen ekuiti yang tidak didagangkan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, nilai saksama pada tarikh terakhir instrumen tersebut boleh diukur dengan pasti akan dianggap sebagai kos instrumen tersebut, dan ia akan diukur pada amaun kos tersebut ditolak rosot nilai sehingga ukuran nilai saksama yang boleh dipercayai tersedia semula.

ii) Aset Kewangan Yang Merupakan Instrumen Hutang Yang Diukur Pada Kos Terlunas

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa diukur pada amaun tunai atau balasan lain yang dijangka akan diterima tanpa mengambil kira kesan diskaun.

Kaedah kadar faedah efektif ialah kaedah untuk mengira kos terlunas aset kewangan dan memperuntukkan pendapatan faedah sepanjang tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif ialah kadar yang mendiskaunkan dengan tepat anggaran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang jangka hayat aset kewangan tersebut, atau jika sesuai, bagi tempoh yang lebih singkat, kepada jumlah bawaan aset kewangan tersebut.

iii) Aset Kewangan yang Merupakan Instrumen Ekuiti yang Diukur pada Kos Ditolak Rosot Nilai

Instrumen ekuiti yang tidak didagangkan secara awam dan nilai saksamanya tidak dapat diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang berlebihan, serta kontrak yang berkaitan dengan instrumen tersebut yang, jika dilaksanakan, akan mengakibatkan penyerahan instrumen berkenaan, diukur pada kos ditolak rosot nilai.

iv) Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Syarikat menilai sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau kos terlunas mengalami rosot nilai.

Bukti objektif tersebut boleh merangkumi:

- Kesukaran kewangan yang ketara yang dialami oleh penerbit atau peminjam; atau
- Pelanggaran terma kontrak; atau
- Pemberi pinjaman memberikan kelonggaran kepada peminjam yang tidak akan dipertimbangkan dalam keadaan biasa; atau
- Terdapat kebarangkalian bahawa peminjam akan diisytiharkan muflis atau menjalani penyusunan semula kewangan; atau
- Data yang boleh diperhatikan menunjukkan bahawa terdapat pengurangan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa hadapan daripada aset kewangan tersebut sejak pengiktirafan awal aset berkenaan.

Bagi kategori tertentu aset kewangan, seperti penghutang perdagangan, jika ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosot nilai wujud bagi aset kewangan yang dinilai secara individu, sama ada signifikan atau tidak, aset tersebut akan dimasukkan ke dalam kumpulan aset yang mempunyai ciri risiko kredit yang serupa dan dinilai secara kolektif bagi tujuan rosot nilai.

Kerugian rosot nilai bagi aset kewangan yang diukur pada kos terlunas diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan menggunakan kadar faedah efektif asal aset tersebut.

Sekiranya terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosot nilai telah berlaku bagi aset kewangan yang diukur pada kos ditolak rosot nilai, jumlah kerugian rosot nilai diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawaan aset dan anggaran terbaik jumlah yang akan diterima oleh Syarikat sekiranya aset tersebut dijual pada tarikh pelaporan.

Kerugian rosot nilai mengurangkan secara langsung jumlah bawaan aset kewangan, kecuali bagi jumlah bawaan penghutang perdagangan yang dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf serta-merta dalam untung atau rugi. Jika pada tempoh berikutnya jumlah kerugian rosot nilai berkurangan, dan pengurangan tersebut boleh dikaitkan secara objektif dengan suatu peristiwa yang berlaku selepas rosot nilai diiktiraf, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelum ini akan diterbalikkan secara langsung, kecuali bagi amaun yang berkaitan dengan penghutang perdagangan yang diterbalikkan melalui pelarasan kepada akaun peruntukan. Pembalikan tersebut diiktiraf serta-merta dalam untung atau rugi.

v) *Penyahiktirafan Aset Kewangan*

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontraktual untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan tersebut luput atau diselesaikan, atau apabila Syarikat memindahkan kepada pihak lain sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan tersebut.

Apabila aset kewangan dinyahiktiraf sepenuhnya, perbezaan antara jumlah bawaannya dengan jumlah balasan yang diterima serta sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul akan diiktiraf dalam untung atau rugi bagi tempoh pemindahan tersebut.

2.4 TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI

Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank dan simpanan tetap.

2.5 LIABILITI KEWANGAN

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan kontrak bagi instrumen tersebut.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan diukur pada harga transaksi, termasuk kos transaksi bagi liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, melainkan pengaturan tersebut pada hakikatnya merupakan suatu transaksi pembiayaan kepada atau oleh Syarikat.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori berikut: liabiliti kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, liabiliti kewangan yang diukur pada kos terlunas, atau komitmen pinjaman yang diukur pada kos ditolak rosot nilai.

i) *Liabiliti Kewangan Yang Diukur Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi*

Liabiliti kewangan dikelaskan sebagai diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi apabila liabiliti kewangan tersebut berada dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika liabiliti kewangan tersebut didagangkan secara awam, atau nilai saksamanya boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang berlebihan.

Sekiranya ukuran yang boleh dipercayai bagi nilai saksama tidak lagi tersedia untuk instrumen ekuiti yang tidak didagangkan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, nilai saksama pada tarikh terakhir instrumen tersebut boleh diukur dengan pasti akan dianggap sebagai kos instrumen tersebut, dan ia akan diukur pada amaun kos tersebut ditolak rosot nilai sehingga ukuran nilai saksama yang boleh dipercayai tersedia semula.

ii) *Liabiliti Kewangan yang Diukur pada Kos Terlunas*

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan selain liabiliti kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi akan diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila liabiliti kewangan tersebut dinyahiktiraf atau mengalami rosot nilai.

Kaedah kadar faedah efektif ialah kaedah untuk mengira kos terlunas liabiliti kewangan dan memperuntukkan perbelanjaan faedah sepanjang tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif ialah kadar yang mendiskaunkan dengan tepat anggaran pembayaran tunai masa hadapan sepanjang jangka hayat liabiliti kewangan tersebut, atau jika sesuai, bagi tempoh yang lebih singkat, kepada jumlah bawaan liabiliti kewangan tersebut.

iii) *Komitmen Pinjaman yang Diukur pada Kos Ditolak Rosot Nilai*

Komitmen untuk menerima pinjaman yang memenuhi syarat-syarat Seksyen 11 MPERS diukur pada kos ditolak rosot nilai.

iv) *Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan*

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah diselesaikan, dibatalkan atau luput.

Sebarang perbezaan antara jumlah bawaan liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dengan balasan yang dibayar diiktiraf dalam untung atau rugi.

2.6 PENDAPATAN

Pendapatan Majlis adalah terdiri daripada pendapatan sumbangan-sumbangan, pemberian peruntukan, faedah simpanan tetap dan derma yang diterima.

2.7 FAEDAH PEKERJA

i) *Faedah Pekerjaan Jangka Pendek*

Faedah pekerjaan jangka pendek, seperti upah, gaji dan faedah lain, diiktiraf pada amaun tidak didiskaunkan sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila pekerja telah memberikan perkhidmatan kepada Syarikat.

Kos yang dijangka bagi cuti berbayar terkumpul diiktiraf apabila pekerja memberikan perkhidmatan yang meningkatkan hak mereka kepada cuti berbayar pada masa hadapan. Kos yang dijangka bagi cuti berbayar tidak terkumpul, seperti cuti sakit dan cuti perubatan, diiktiraf apabila cuti tersebut diambil.

Kos yang dijangka bagi cuti berbayar terkumpul diukur pada amaun tambahan tidak didiskaunkan yang dijangka akan dibayar akibat daripada hak cuti yang belum digunakan dan telah terkumpul pada akhir tempoh pelaporan.

Kos yang dijangka bagi pembayaran perkongsian keuntungan dan bonus diiktiraf apabila Syarikat mempunyai obligasi semasa dari segi perundangan atau konstruktif untuk membuat pembayaran tersebut akibat daripada peristiwa lalu dan anggaran yang boleh dipercayai terhadap obligasi tersebut boleh dibuat. Obligasi semasa wujud apabila Syarikat tidak mempunyai alternatif yang realistik selain membuat pembayaran tersebut.

ii) *Pelan Caruman Ditakrifkan*

Caruman yang perlu dibayar di bawah pelan caruman ditakrifkan diiktiraf sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila pekerja telah memberikan perkhidmatan kepada Syarikat.

3 PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN ANGGARAN KETIDAKPASTIAN

3.1 PERTIMBANGAN KRITIKAL DALAM MENGGUNAKAN DASAR PERAKAUNAN

Tiada pertimbangan dan andaian kritikal dalam penggunaan dasar perakaunan yang mempunyai kesan ketara terhadap amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

3.2 SUMBER UTAMA KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

Pengukuran sesetengah aset dan liabiliti memerlukan pihak pengurusan menggunakan anggaran berdasarkan pelbagai input yang boleh diperhatikan dan andaian lain. Bidang atau perkara yang tertakluk kepada ketidakpastian anggaran yang ketara adalah seperti berikut:

Susut Nilai Harta Tanah, Loji dan Peralatan

Kos sesuatu item harta tanah, loji dan peralatan disusut nilai menggunakan kaedah garis lurus atau kaedah sistematik lain yang mencerminkan corak penggunaan manfaat ekonomi aset tersebut sepanjang hayat gunanya. Anggaran digunakan dalam pemilihan kaedah susut nilai, penentuan hayat guna dan nilai sisa aset. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi harta tanah, loji dan peralatan mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh mengakibatkan keuntungan atau kerugian apabila item harta tanah, loji dan peralatan tersebut dilupuskan.

4 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Baki pada 1 Januari 2025 RM	Tambahan RM	Pelupusan RM	Baki pada 31 Disember 2025 RM
<u>Kos</u>				
Kelengkapan pejabat	44,981.64	-	-	44,981.64
Komputer	39,076.00	4,998.00	-	44,074.00
	84,057.64	4,998.00	-	89,055.64

	Baki pada 1 Januari 2025 RM	Caj bagi tahun semasa RM	Pelupusan RM	Baki pada 31 Disember 2025 RM
<u>Susut nilai terkumpul</u>				
Kelengkapan pejabat	44,230.41	750.23	-	44,980.64
Komputer	38,600.28	974.52	-	39,574.80
	82,830.69	1,724.75	-	84,555.44

Amaun dibawa

	2025 RM	2024 RM
Kelengkapan pejabat	1.00	751.23
Komputer	4,499.20	475.72
	4,500.20	1,226.95

5 LAIN-LAIN PENGHUTANG DAN DEPOSIT

	2025 RM	2024 RM
Deposit	4,850.00	-

6 SIMPANAN TETAP

Bank	No. Akaun	2025 RM	2024 RM
Affin Bank Berhad	30-002-003214-3	220,740.72	215,446.56
Affin Bank Berhad	30-049-001189-1	146,018.63	142,459.56
Ambank (M) Berhad	8881003394332	166,190.95	161,900.62
Ambank (M) Berhad	8881004177087	301,249.01	293,145.05
		834,199.31	812,951.79

7 TUNAI DI TANGAN DAN DI BANK

	2025 RM	2024 RM
Tunai di bank	8,802,659.26	4,831,617.82
Tunai di tangan	<u>2,050.49</u>	<u>865.53</u>
	<u>8,804,709.75</u>	<u>4,832,483.35</u>

8 LAIN-LAIN PEMIUTANG DAN BAYARAN TERAKRU

	2025 RM	2024 RM
Bayaran terakru:		
Yuran audit dan akaun terakru	9,000.00	5,400.00
EIS terakru	27.20	(1.40)
KWSP terakru	1,656.00	132.00
Lain-lain pemiutang:		
Lain-lain pemiutang	59,900.00	-
Peruntukan kepada MKJR Negeri (Johor)	-	20,028.25
Peruntukan kepada MKJR Negeri (Sabah)	-	40,000.00
	<u>70,583.20</u>	<u>65,558.85</u>

9 FAEDAH SIMPANAN TETAP

	2025 RM	2024 RM
Faedah diterima dalam tahun ini	21,247.52	20,393.12
Tambah:		
Faedah akan diterima		
Bank	No. Akaun	
Affin Bank Berhad	30-002-003214-3	1,066.81
Affin Bank Berhad	30-049-001189-1	1,628.61
Ambank (M) Berhad	8881003394332	2,139.99
Ambank (M) Berhad	8881004177087	2,271.34
		<u>7,106.75</u>
Tolak:		
Faedah terakru diterima tahun ini	<u>(7,900.38)</u>	<u>(7,935.41)</u>
	<u>20,453.89</u>	<u>20,358.09</u>

10 TAXATION

There are no tax expenses as the income of the association is tax exempted under schedule 6 of the income tax act 1967.